

Headline	4E jamin keselamatan penumpang bas		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 Dec 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	10	ArticleSize	469 cm ²
AdValue	RM 9,269	PR Value	RM 27,808



4E jamin keselamatan penumpang bas

Oleh DR. FADZLI SHAH ABD. AZIZ

TRAGEDI kemalangan bas ekspres yang mengorbankan 14 nyawa di kilometer 137.7 Lebuhraya Utara Selatan berdekatan dengan Pagoh, Johor pada Sabtu lalu bukanlah pertama kali berlaku di negara kita. Sering kali tragedi kemalangan bas ekspres di Malaysia berlaku sehingga meragut banyak nyawa yang tidak berdosa. Setiap kali kemalangan besar berlaku seperti ini akan terjadilah tuding-menuding. Masing-masing tidak mahu mengaku kesilapan sendiri. Akhirnya tidak nampak langsung sebarang penyelesaian supaya kemalangan ngeri yang melibatkan pengangkutan awam tidak berulang.

Percayalah di negara kita ini, perdebatan hangat tentang tragedi kemalangan sebegini akan kembali sunyi sepi dalam tempoh beberapa minggu sahaja tanpa sebarang penyelesaian. Isu ini akan kembali hangat apabila berlaku lagi kemalangan ngeri yang meragut banyak nyawa manusia. Kenapakah tiada sebarang tindakan menyeluruh untuk menyelesaikannya? Adakah kerana yang terlibat dengan kemalangan tersebut bukan saudara kita sendiri? Apakah selepas berlakunya kemalangan melibatkan orang kenamaan barulah tragedi sebegini ingin diselesaikan segera?

Ini antara persoalan yang perlu dijawab secara ikhlas oleh semua pihak yang terlibat.

Pernah seorang rakan baik penulis menceritakan sikap pemandu kenderaan berat seperti bas, lori dan treler yang memandu laju dan berbahaya sehingga dia bertindak membuat aduan dengan menelefon pihak berkuasa berkenaan semasa memandu di Lebuhraya Utara Selatan. Malangnya, dek kerana kerenah birokrasi yang meminta maklumat pengadu yang tidak sepatutnya seperti alamat rumah pengadu menyebabkan dia tidak lagi berminat membuat aduan kepada pihak berkuasa berkenaan. Rakan penulis hanya berhasrat mencegah kemalangan berlaku dengan membantu pihak berkuasa. Tidakkah mencegah itu lebih baik daripada mengu-

bat? Atau sudah menjadi budaya masyarakat kita hanya bertindak selepas berlakunya sesuatu tragedi? Setiap kemalangan besar tidak kira musim apa pun memberi banyak kerugian kepada negara seperti kehilangan modal insan yang berguna.

Dalam hal ini, mahu tidak mahu aspek keselamatan jalan raya adalah prasyarat dalam mencegah kemalangan maut. Terutamanya melibatkan pengangkutan awam agar tidak timbul persepsi dalam kalangan masyarakat Malaysia bahawa perkhidmatan pengangkutan bas ekspres tidak selamat digunakan dalam kehidupan seharian mereka.

Tahukah kita bahawa Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 atau lebih dikenali sebagai Akta 514 menyatakan dengan jelas bahawa setiap majikan, pekerja dan kerajaan memiliki tanggungjawab dan tugas masing-masing dalam meletakkan keutamaan kepada keselamatan semasa menjalankan operasi pengangkutan awam.

Majikan berperanan menyediakan persekitaran pekerjaan yang kondusif dan mementingkan keselamatan dalam memberi perkhidmatan kepada penumpang. Ini hanya boleh dicapai jika majikan menyediakan satu polisi keselamatan yang lengkap dan sentiasa mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditentukan oleh kerajaan. Pekerja pula perlu mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh majikan dan undang-undang negara. Manakala pihak kerajaan terutamanya pihak berkuasa memantau pelaksanaan dan pematuhan undang-undang di jalan raya dengan keselamatan penumpang diberikan keutamaan tertinggi.

Dalam membangunkan persekitaran kerja yang selamat dan kondusif, konsep 4E iaitu *Engineering* (Kejuruteraan), *Education* (Pendidikan), *Enforcement* (Penguatkuasaan) dan *Ekosistem* kerja perlu diamalkan oleh pihak yang terlibat dalam industri pengangkutan awam ini. Dari aspek kejuruteraan, penyedia perkhidmatan bas perlu menyediakan kenderaan yang berada

dalam keadaan terbaik tanpa sebarang masalah teknikal dan selamat serta selesa untuk dinaiki.

Dari segi pendidikan pula, majikan mahupun kerajaan berperanan memberi pendidikan dan latihan secara berterusan agar pemandu bas berada dalam keadaan berpengetahuan, mahir dan memiliki sikap yang mementingkan keselamatan penumpang. Ketiga-ketiga perkara ini menjadikan pemandu bas sebagai seorang pekerja yang kompeten dan berhemah semasa menjalankan tanggungjawabnya kepada pelanggan. Ambil

contoh bagaimana syarikat minyak terkemuka dunia, Shell yang mengkehendaki pemandu-pemandu lori minyaknya mengikut modul latihan yang menjadikan mereka lebih cekap dalam menjayakan tugas mereka.

Dicadangkan satu pusat latihan berpusat disediakan oleh pihak berwajib untuk melahirkan pemandu bas yang benar-benar berkualiti dan cekap. Maka, tidak timbul lagi isu sukar mendapat pemandu bas terbaik dan berkualiti.

Dari segi penguatkuasaan pula, pihak majikan dengan dibantu oleh pihak berkuasa perlu menguatkuasakan dasar syarikat dan peraturan pengangkutan awam serta undang-undang di jalan raya agar pemandu bas sentiasa mematuhi segala peraturan dan undang-undang berkaitan. Aspek ini cukup penting kerana sebarang pelanggaran undang-undang akan menyebabkan banyak kehilangan nyawa atau kecacatan kekal termasuk kepada pengguna kenderaan awam yang lain.

Aspek terakhir melibatkan ekosistem kerja secara kondusif melibatkan kecekapan pihak pengurusan syarikat pengangkutan awam. Dengan kata lain, mereka ini mestilah memiliki sistem kerja yang sistematik dan hubungannya dengan pekerja serta kerajaan sentiasa berada pada tahap profesional.


Cara kerja yang profesional baharulah idea menaikkan gaji pemandu bas setaraf dengan kualiti, mutu dan kompetensi yang dimiliki oleh pemandu-pemandu

Headline	4E jamin keselamatan penumpang bas		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 Dec 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	10	ArticleSize	469 cm ²
AdValue	RM 9,269	PR Value	RM 27,808

bas. Jika tidak, adakah wajar gaji mereka dinaikkan semberono tanpa memiliki keupayaan sebagai pemandu yang bermentaliti negara maju. Tanpa adanya pengetahuan, kemahiran dan sikap

berhemah yang mengubah tingkah laku pemandu setaraf dengan pemandu-pemandu bas di negara maju. Justeru, utamakan keselamatan jalan raya setaraf dengan negara maju.

PENULIS ialah Pensyarah Kanan Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia (UUM).



MAJIKAN dan kerajaan berperanan memberi pendidikan secara berterusan agar pemandu bas memiliki sikap mementingkan keselamatan penumpang. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN